

17 MAR 1997

DR MAHATHIR TIBA UNTUK LAWATAN DUA HARI KE PAHANG

KUANTAN, 17 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini pagi ini untuk lawatan dua hari ke Pahang.

Ketibaan Perdana Menteri dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini disambut Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob, Timbalan Menteri Besar Datuk Hasan Arifin dan anggota-anggota Exco Kerajaan Negeri.

Yang turut sama menyambut ketibaan Perdana Menteri ialah Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik dan Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek.

Dr Mahathir akan merasmikan kilang W.R. Grace di Gebeng dan melancarkan Bandar MEC (Malaysia Electronic Corporation Bhd) di Gambang, serta melawat empangan di Tasik Chini dekat sini.

Kilang W.R. Grace itu mengandungi dua buah kilang, W.R. Grace Packaging (M) Sdn Bhd, yang mengeluarkan plastik pembungkusan bermutu tinggi dan W.R. Grace Specialitu Chemical Plant (M) Sdn Bhd, yang menghasilkan silika.

Kedua-dua kilang itu yang merupakan anak syarikat W.R. Grace & Co yang beribu pejabat di Florida, Amerika Syarikat, dibangunkan di kawasan seluas 30.34 hektar membabitkan pelaburan lebih AS\$100 juta.

Bandar MEC pula yang direkabentuk sebagai pusat perniagaan bandar moden meliputi kawasan seluas 1,200 hektar, akan menjadi pusat operasi MEC bagi mengeluarkan peralatan elektrik buatan Malaysia.

Dr Mahathir pada petangnya, akan berlepas ke Taman Negara dan akan merasmikan "siar kaki berkanopi" di situ, esok. Dr Mahathir juga akan mengambil kesempatan menaiki "ran" (rumah atas pokok). -- BERNAMA

AZ OBA RON